

CNS0879

R GB 19-06 @0215 BC656

aab

Mahathir

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

T

KUNMING.. 19 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam tadi untuk memulakan lawatan dua hari ke wilayah Yunnan, di barat daya China pada peringkat ketiga lawatan rasminya selama sepuluh hari ke China.

Perdana Menteri dan isteri Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut di lapangan terbang oleh Gabenor Yunnan, He Zhiqiang, Naib Gabenor, Liu Jing dan anggota-anggota kanan kerajaan wilayah itu.

Yang turut serta dalam rombongan Perdana Menteri ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Taib Mahmud, Menteri Besar Pahang Tan Sri Khalil Yaacob dan Ketua Menteri Pulau Pinang Dr Koh Tse Koon.

Yang mengiringi rombongan rasmi Perdana Menteri pula ialah delegasi ahli perniagaan mengandungi 143 anggota.

Esok, Dr Mahathir akan mengadakan perbincangan dengan Zhiqiang di hotel, tempat beliau menginap, melawat ke Pusat Pemulihan Dadah tempatan dan melawat ke hutan batu yang terkenal di luar ibu negeri wilayah itu.

Wilayah Yunnan mempunyai 37 juta penduduk sementara sempadannya ialah sejauh 4,060 km dan mempunyai sempadan bersama dengan Myanmar, Laos dan Vietnam. -- Lagi

♥19/06/09-34MST

CNS0880

R GB 19-06 00076 BC657

aab

Mahathir 2 (akhir) Kunming

Sebelum tiba di sini, Dr Mahathir melawat ke Institut Ulama Islam di Urumqi, ibu negeri Kawasan Autonomi Xinjiang Uygur di barat laut China.

Kawasan itu, yang terbesar di negara itu, mempunyai 15 juta orang penduduk.

Dr Mahathir menyumbangkan RM10,000 kepada institut dan kemudian menvertai masyarakat Islam tempatan menunaikan sembahyang Jumaat di masiid di institut berkenaan. -- Bernama.

ARS FAZ